

PERMOHONAN PERLANTIKAN SEBAGAI KONSULTAN ANALISA DAN PENILAIAN RISIKO MARIN (MRA) YANG DIKTIRAF JABATAN LAUT MALAYSIA

A. ARAHAN KEPADA PEMOHON.

1. Permohonan adalah terbuka hanya kepada individu rakyat Malaysia berumur tidak kurang dari 21 tahun yang bekerja dengan syarikat yang memohon.
2. Permohonan hendaklah dibuat melalui syarikat menggunakan borang permohonan rasmi JLM/NAVCOM/MRA2019-Lampiran B yang telah dilengkapkan.
2. Individu hendaklah memiliki kelayakan minima seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim
Jabatan Laut Malaysia,
Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor.
4. Kegagalan syarikat atau individu untuk menyertakan kesemua dokumen dan keterangan yang diperlukan mungkin akan melengahkan proses permohonan tersebut.
5. Pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga. Proses pengauditan dokumentasi dan premis syarikat juga akan dijalankan untuk mengesahkan kepatuhan kepada syarat yang ditetapkan.
6. Untuk keterangan lanjut, pemohon boleh menghubungi talian 03-33467777 (Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim) atau emel kepada navcom@marine.gov.my
7. Dengan mengemukakan borang permohonan berkenaan, syarikat dan individu yang dinyatakan didalam borang permohonan berkenaan juga secara spesifik memberi kebenaran kepada Jabatan Laut Malaysia untuk membuat semakan latarbelakang dan lain lain semakan yang difikirkan perlu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa apa rekod jenayah.
8. Lantikan adalah hak dan mengikut budibicara Jabatan Laut Malaysia sepenuhnya. Jabatan Laut Malaysia juga berhak untuk membatalkan atau menggantung lantikan

yang telah dikeluarkan pada bila bila masa dan tanpa sebarang sebab berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tindakan Tatatertib MRA yang dilantik..

9. Sila ambil maklum bahawa kepada pemohon yang berjaya, lantikan akan dibuat diatas nama individu DAN syarikat. Bagi maksud ini, lantikan akan terbatal dengan sendirinya jika individu berkenaan meninggalkan atau tidak lagi berkhidmat dengan syarikat yang dinyatakan didalam surat lantikan berkenaan. Individu yang dilantik hanya dibenarkan untuk berkhidmat dengan syarikat konsultan MRA yang didaftarkan sahaja.
10. Ambil maklum juga bahawa syarikat yang berjaya didaftarkan sahaja akan dibenarkan melaksanakan kajian dan analisa risiko marin sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 491B, Ordinan Perkapalan Saudagar berdasarkan rujukan Notis Perkapalan Malaysia **No. 02/ 2019**

B. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI INDIVIDU.

- i. 1 salinan sijil kelayakan akademik/kompetensi tertinggi.
- ii. 1 salinan kad pengenalan pemohon.
- iii. 1 keping gambar berwarna terbaru berukuran *passport*.
- iv. 1 salinan sijil kursus yang dihadiri (seperti dinyatakan dalam borang permohonan)
- v. Resume
- vi. Testimoni dari bekas majikan (jika berkaitan)

C. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI SYARIKAT

- i. Profil syarikat
- ii. Salinan pengiktirafan syarikat bagi menjalankan kerja perunding kajian analisa risiko dari dalam atau luar negara (jika berkaitan)
- iii. Salinan insuran perlindungan professional.

LAMPIRAN A.

KELAYAKAN BAGI PERLANTIKAN SEBAGAI KONSULTAN MRA BAGI PIHAK JABATAN LAUT MALAYSIA

A. Kelayakan Minima (Syarikat).

1. Syarikat berdaftar di Malaysia sekurang-kurangnya sebagai syarikat Sendirian Berhad.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya 1 personel / individu yang mempunyai persijilan yang diiktiraf dalam kepakaran / skop penilaian risiko marin (MRA) yang diiktiraf. Bagi syarikat yang tidak mempunyai persijilan dalam skop penilaian risiko marin (MRA) semasa membuat permohonan, justifikasi pengalaman syarikat akan dipertimbangkan berdasarkan merit.
3. Mempunyai insuran perlindungan profesional (professional liability insurance) bagi personel yang melibatkan aktiviti kerja di atas kapal.
4. Mempunyai polisi dan amalan berikut:
 - a. Persijilan yang diiktiraf dalam skop penilaian risiko (individu / syarikat)
 - b. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan (*health and safety*).
 - c. Mempunyai dasar integriti syarikat
5. Mempunyai program latihan dan peningkatan kekompetenan personel MRA secara berterusan.
6. Mempunyai sistem semakan dan penyimpanan dokumen, termasuk dokumen rujukan, penerbitan teknikal dan peraturan/konvensyen/standard.

B. Kelayakan Minima (Individu).

1. Personel yang mempunyai persijilan yang diiktiraf dalam skop penilaian risiko marin (MRA) yang diiktiraf perlu memiliki kelayakan minima seperti berikut:-
 - a. (i) sekurang kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang marin yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusiinstitusi pengajian tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, atau

(ii) sekurang kurangnya Nakhoda atau Ketua Muallim bagi kapal 3,000 GT ke atas bagi pelayaran tanpa had yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, atau

(iii) sekurang kurangnya Ketua Jurutera atau Jurutera Kedua bagi kapal 3,000 kW ke atas bagi pelayaran tanpa had yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

dan

b. telah menghadiri kursus / latihan berkaitan pengurusan dan analisa risiko dan mempunyai sekurang kurangnya 2 tahun pengalaman dalam skop kerja penilaian risiko marin (MRA).



JLM/NAVCOM/MRA2019-Lampiran B

JABATAN LAUT MALAYSIA

Borang Permohonan Sebagai Konsultan MRA

Maklumat Syarikat

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____ E-mel _____

Butiran Peribadi

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____ E-mel _____

Umur: _____ No. Kad
Pengenalan: _____

Position Applied
for: _____

Kelayakan Akademik

Tahun: _____ Ke: _____ Diploma: _____

Institusi: _____

Tahun: _____ Ke: _____ Ijazah: _____

Institusi: _____

Tahun: _____ Ke: _____ Master: _____

Institusi: _____

Tahun: _____ Ke: _____ PhD: _____

Institusi: _____

Kompetensi Marin

(a) Kelayakan (Nama Sijil): _____

Negara Pengeluar: _____

Tahun/Tempoh sahlaku: _____

(b) Kelayakan (Nama Sijil): _____

Negara Pengeluar: _____

Tahun/Tempoh sahlaku: _____

(c) Kelayakan (Nama Sijil): _____

Negara Pengeluar: _____

Tahun/Tempoh sahlaku: _____

(d) Kelayakan (Nama Sijil): _____

Negara Pengeluar: _____

Tahun/Tempoh sahlaku: _____

Butiran Kursus Yang Dihadiri

Senarai kursus dinyatakan hendaklah berkaitan MRA sahaja .

(a) Nama Kursus: _____

Anjuran/Tempat: _____

Tarikh/Tempoh: _____

(b) Nama Kursus: _____

Anjuran/Tempat: _____

Tarikh/Tempoh: _____

(c) Nama Kursus: _____

Anjuran/Tempat: _____

Tarikh/Tempoh: _____

Pengalaman Kerja Terdahulu

Syarikat: _____

Jawatan: _____

Tempoh
dari: _____ hingga: _____

Pengakuan Pemohon

Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap. Sekiranya keterangan yang diberikan tidak benar dan permohonan ini tidak lengkap, Jabatan Laut Malaysia berhak membatalkan permohonan ini. Saya juga memberi kebenaran kepada pihak Jabatan untuk menyemak latar belakang saya termasuk tetapi tidak terhad kepada menyemak rekod kerja saya dengan bekas majikan.

Dengan mengemukakan borang permohonan ini juga, saya memberi kebenaran kepada Jabatan Laut Malaysia untuk membuat semakan latar belakang dan lain lain semakan yang difikirkan perlu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa apa rekod jenayah.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Pengesahan Syarikat

Adalah disahkan bahawa pemohon di atas adalah pekerja syarikat ini.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama: _____

Jawatan: _____

Cop Rasmi
Syarikat _____